

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN [IPOH
BARAT]**

SOALAN

**YB TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT] Minta PERDANA
MENTERI menyatakan:-**

- (a) perkembangan terkini siasatan pihak SPRM terhadap Kuil Sri Maha Mariamman Devasthanam, Batu Caves yang di mana telah diserbu oleh pihak SPRM pada bulan Mac 2019; dan
- (b) hasil siasatan dalaman 'Bad Apple' yang telah dilakukan dan dikenal pasti oleh pihak SPRM terhadap kuil tersebut.

**JAWAPAN [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)]**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPRM telah selesai menjalankan siasatan terhadap kes ini dan telah pun dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya. Timbalan Pendakwaraya telah mengarahkan SPRM untuk meneruskan siasatan terhadap beberapa isu.

Berkaitan siasatan dalaman '*Bad Apples*' yang melibatkan pegawai SPRM, ianya sedang disiasat oleh Bahagian Kecemerlangan Dan Profesionalisme SPRM. Siasatan ini dipantau oleh Jawatankuasa Aduan (JKA) iaitu salah satu daripada lima entiti bebas yang diwujudkan yang mana bertindak sebagai *check and balance* terhadap SPRM dalam penunaian fungsi dan peranannya. Adalah diberi jaminan siasatan dalaman akan dibuat secara adil dan telus.

Sekian, terima kasih.